



ISTIADAT
Pertabalan

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V

ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR
ISNIN, 24 APRIL 2017
BERSAMAAN
27 REJAB 1438H



UNDANG-UNDANG MALAYSIA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Bahagian IV PERSEKUTUAN Bab 1 – Ketua Utama Negara

Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya

32. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

(2) Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.

(3) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima tahun, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja atau boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi Raja.

(4) Peruntukan Bahagian I dan III Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi pemilihan dan pemecatan Yang di-Pertuan Agong.



*Daulat
Tuanku*

KANDUNGAN CONTENT

Riwayat Hidup Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV <i>Biography of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV</i>	4
Pemilihan Yang di-Pertuan Agong <i>The Election of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong</i>	13
Atur Cara Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV <i>Installation Ceremony Programme of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV</i>	19
 PAKAIAN ISTIADAT YANG DI-PERTUAN AGONG <i>CEREMONIAL DRESS OF THE YANG DI-PERTUAN AGONG</i>	
• Muskat	34
• Mess Kit	35
• Tengkolok Diraja	36
• Pending Diraja	37
• Keris Pendek Diraja	38
• Gendik Diraja	39
• Kalung Diraja	40
 ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA / ROYAL REGALIA	
• Keris Panjang Diraja	44
• Cogan Agama	45
• Cogan Alam	46
• Cokmar	47
• Pedang, Keris Panjang dan Sundang Diraja	48
• Payung Ubur-ubur Kuning dan Tombak Berambu	49
 PASUKAN GENDANG BESAR D'RAJA KELANTAN	
	51
 PANJI YANG DI-PERTUAN AGONG <i>ROYAL STANDARD OF THE YANG DI-PERTUAN AGONG</i>	
	55
 ISTANA NEGARA	
• Istana Negara	60
• Singgahsana	61
• Singgahsana Kecil	62
• Bilik Mesyuarat Raja-Raja	63
• Dewan Seri Maharaja	64
• Dewan Seri Mahkota	65
• Dewan Seri Negara	65
 DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN / FEDERAL HONOURS AND AWARDS	
• Darjah Yang Maha Utama Kerabat di-Raja Malaysia	68
• Darjah Utama Seri Mahkota Negara	69
• Darjah Yang Mulia Pangkuhan Negara	70
• Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia	76
• Darjah Bakti	79
• Darjah Yang Mulia Jasa Negara	80
• Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja	81
• Darjah Gagah Perkasa	85
• Pingat Perkhidmatan	87
• Pingat Peringatan	91
 YANG DI-PERTUAN AGONG I-XIV (1957 - 2016) <i>THEIR MAJESTIES THE YANG DI-PERTUAN AGONG I-XIV (1957 - 2016)</i>	
Surat Perisyiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV <i>The Proclamation Instrument of Office of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV</i>	93
Warkah Ikrar / <i>The Oath of Installation</i>	110
	111



I STIADAT
Pertabalan
INSTALLATION CEREMONY

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V
HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K. (SELANGOR),, D.K. (NEGERI SEMBILAN),, D.K. (JOHOR),,
D.K. (PERAK),, D.K. (PERLIS),, D.K. (KEDAH),, D.K.(TERENGGANU),,
S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K..

ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR
ISNIN, 24 APRIL 2017 BERSAMAAN 27 REJAB 1438H
MONDAY, 24TH APRIL 2017



RIWAYAT HIDUP BIOGRAPHY

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V

HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K. (SELANGOR),, D.K. (NEGERI SEMBILAN),, D.K. (JOHOR),,
D.K. (PERAK),, D.K. (PERLIS),, D.K. (KEDAH),, D.K.(TERENGGANU),,
S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K..





KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV
HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG XV
SULTAN MUHAMMAD V

RIWAYAT HIDUP BIOGRAPHY



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V telah diputerakan pada tanggal 6 Oktober 1969 di Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Sultan Ismail 1 Kota Bharu sebelum menyambung pelajaran Baginda ke Sekolah Antarabangsa Alice Smith Kuala Lumpur. Baginda telah dilantik sebagai Tengku Mahkota Kelantan pada ulang tahun keputeraan Baginda yang ke-16 iaitu pada 6 Oktober 1985.

Minat Baginda yang mendalam terhadap ilmu dan pendidikan telah mendorong Baginda untuk berangkat ke England bagi menyambung pelajaran di Oakham School Ruthland sehingga tahun 1989. Seterusnya Baginda meneruskan pelajaran dalam

*H*is Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V was born on December 6th October 1969 at Istana Batu, Kota Bharu, Kelantan. His Majesty received his early education at Sekolah Sultan Ismail 1 Kota Bharu before continuing his education at the Alice Smith International School in Kuala Lumpur. His Majesty was appointed as Tengku Mahkota Kelantan on his 16th birthday on October 6, 1985.

His Majesty's deep interest in pursuing knowledge and education encouraged him to go to England to pursue his studies at the Oakham School Ruthland up to 1989. He continued his education



bidang Pengajian Diplomatik di St. Cross College, Oxford dan dalam bidang Pengajian Islam di Oxford Centre sehingga 1991.

Pada tanggal 24 Mei 2009, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Pemangku Raja Kelantan. Pada 13 September 2010, Baginda telah menaiki takhta Kerajaan Negeri Kelantan dan menggunakan gelaran Sultan Muhammad V setelah dimasyhurkan sebagai Sultan Kelantan ke-29. Seterusnya pada 13 Disember 2011, Baginda telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong oleh Majlis Raja-Raja dan pada tahun 2016, Majlis Raja-Raja telah memilih Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-15 berkuat kuasa pada 13 Disember 2016 untuk tempoh lima tahun. Istiadat melafaz sumpah jawatan telah disempurnakan pada 13 Disember 2016.

in Diplomatic Studies in St. Cross College, Oxford, and in Islamic Studies at the Oxford Centre until 1991.

On 24th May 2009, His Majesty was appointed as the Regent of Kelantan. On 13th September 2010, he ascended the throne of Kelantan. He used the title, Sultan Muhammad V, after his proclamation as the 29th Sultan of Kelantan. Subsequently, on 13th December 2011, His Majesty was elected as the Deputy Yang di-Pertuan Agong by the Conference of Rulers. In 2016, the Conference of Rulers appointed him as the 15th Yang di-Pertuan Agong of Malaysia, effective for a five-year period beginning 13th December 2016. His Majesty took the Oath of Office on 13th December 2016.



Bidang pendidikan merupakan bidang yang amat diberi perhatian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Sebagai Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Baginda akan berangkat mencemar duli ke setiap istiadat konvoikesyen yang dianjurkan universiti berkenaan. Dalam bidang ketenteraan pula, sifat kepimpinan Baginda senantiasa dikagumi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Kolonel Yang Di-Pertua Rejimen Artilleri Diraja sehingga kini. Dengan pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong, Baginda juga adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

Baginda turut melibatkan diri dalam pelbagai pertubuhan kebajikan dan sukan selain aktif berperanan dalam organisasi berkaitan keselamatan dan ketenteraan. Baginda amat meminati sukan lasak seperti ekspedisi kenderaan pacuan empat roda dan equestrian. Di samping meminati sukan memanah dan menembak, Baginda juga gemar memelihara hidupan liar. Selain daripada aktif dalam persatuan, Baginda juga mempunyai minat memelihara

His Majesty gives much emphasis to education as the Chancellor of Universiti Teknologi Mara (UiTM) and also the National Defence University of Malaysia (UPNM). His Majesty graces to attend every convocation of these universities. His Majesty's leadership qualities in military field has always been highly admired as His Majesty is the Colonel-in-Chief of the Royal Artillery Regiment. Being elected as the Yang di-Pertuan Agong, His Majesty is also the Supreme Commander of the Malaysian Armed Forces.

His Majesty also actively involve in various welfare and sports organisations and plays an active role in organisations associated with security and the military. His Majesty has a high passion for adventures sports such as four-wheel-drive expeditions, equestrian, an archery and shooting. His Majesty also loves animals and takes keen interest in raising horses and deers.



haiwan seperti kuda dan rusa. Baginda amat mengambil berat terhadap pengawasan binatang peliharaan tersebut, justeru tanpa rasa jemu, Baginda sendiri akan berangkat bagi memastikan tahap penjagaan yang sempurna dilaksanakan di taman haiwan berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah berkenan untuk menjadi Penaung kepada pelbagai persatuan dan kelab iaitu :

- Persatuan Menembak Kelantan;
- Yayasan Sultan Kelantan (YSK);
- Majlis Orang-Orang Besar Diraja Kelantan
- Persatuan Perubatan Anti-Penuaan Aestetik Rejeneratif Malaysia (SAAARMM);
- Persatuan Bulan Sabit Merah;
- Persatuan Sukan Berkuda;
- Persatuan Motor 4 x 4; dan
- Persatuan Memanah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V telah dianugerahkan dengan pelbagai Darjah Kebesaran iaitu: D.K. (1986),

His Majesty shows much concern and take great lengths to ensure the welfare of his animal sanctuary.

His Majesty has consented to be the Patron of various associations and clubs, namely the :

- *Kelantan Shooting Association;*
- *Sultan of Kelantan Foundation (YSK);*
- *Kelantan Council of Royal Chieftains;*
- *Society for Anti-Aging Aesthetic Regenerative Medicine Malaysia (SAAARMM);*
- *Red Crescent Society;*
- *Equestrian Sports Association;*
- *4 x 4 Motorsports Association; and*
- *Archery Association*

His Majesty has been bestowed various honours and awards, namely: D.K. (1986), D.M.N. (2010), D.K. (Selangor - January 2011), D.K. (Negeri Sembilan - April 2011),

D.M.N. (2010), D.K. (Selangor - Januari 2011), D.K. (Negeri Sembilan - April 2011), D.K. (Johor - 2011), D.K. (Perak - Julai 2011), D.K. (Perlis - Oktober 2011), D.K. (Kedah - Mac 2012), D.K. (Terengganu - November 2014), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K., dan D.K.M. (2017).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sememangnya terkenal dengan sifat Baginda sebagai seorang Raja yang amat berhemah tinggi, mempunyai tutur kata yang lemah-lembut dan sopan santun. Baginda juga adalah seorang pemerintah yang dididik daripada kecil dengan nilai-nilai pekerti serta tingkah laku yang berasaskan kepada ajaran agama dan ilmu keduniaan yang luas. Baginda amat mengambil perhatian dalam hal-ehwal agama dan juga kepada rakyat jelata terutama yang menyentuh bidang kuasa Baginda sendiri. Antara program yang diadakan hasil ilham Baginda adalah Program *Qiam With Me* dan Walkathon Diraja yang telah bermula sejak tahun 2011 di Negeri Kelantan.



Baginda juga begitu prihatin akan kemakmuran dan keharmonian hidup rakyat jelata. Hal demikian terserlah dalam tindakan Baginda menangani permasalahan hal ehwal kemasyarakatan dan keagamaan. Selain itu, Baginda merupakan seorang Raja berjiwa rakyat dan sangat dekat di hati rakyat. Tidak hairanlah jika Baginda menjadi seorang Pemerintah yang dikasihi dan disegani seluruh rakyat Malaysia.

D.K. (Johor - 2011), D.K. (Perak - July 2011), D.K. (Perlis - October 2011), D.K. (Kedah - March 2012), D.K. (Terengganu - November 2014), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K., and D.K.M. (2017).

His Majesty is well known to be a virtuous Ruler who is graceful and kind words. His Majesty is an educated Ruler since childhood with high good moral values, religious teachings and extensive general knowledge. His Majesty takes great interest in religious affairs and the people, especially in areas that come under his jurisdiction. Among brainchild programmes from His Majesty are ‘Qiam’ With Me and the Royal Walkathon which were launched in Kelantan in 2011.



His Majesty has always been well known as subject-oriented Ruler hence, well respected by all Malaysians. This is reflected as His Majesty is very much concerned on the social and religious problems to ensure prosperity and harmony in our country.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Majlis Bacaan Yasin dan Solat Hajat di Masjid Kampung Hulu, Melaka pada 2 Mac 2017.

His Majesty the Yang di-Pertuan Agong at Yasin recital ceremony and prayer at Masjid Kampung Hulu, Melaka on 2nd March 2017.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyempurnakan Majlis Perasmian Kompleks Al Hasanah di Sg Rambai, Melaka pada 4 Mac 2017.

His Majesty the Yang di-Pertuan Agong officiating the Al Hasanah Complex in Sg Rambai, Melaka on 4th March 2017.



SELANGOR

YANG DI-PERINTAH AGONG

PERLIS



PEMILIHAN
YANG DI-PERTUAN AGONG XV
THE ELECTION OF
THE YANG DI-PERTUAN AGONG XV



PEMILIHAN THE ELECTION

Jawatan Yang di-Pertuan Agong bukanlah suatu jawatan turun-temurun. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa jawatan itu berasaskan suatu sistem penggiliran di antara sembilan orang Raja-Raja untuk memegang jawatan itu bagi suatu tempoh tetap selama lima tahun.

Jadual Ketiga, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan susunan sembilan orang Raja-Raja Melayu yang berhak untuk dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong. Jadual itu memperuntukkan bahawa, bagi maksud pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang pertama, susunan keutamaan di antara sembilan orang Raja-Raja pada masa negara mencapai kemerdekaan (menurut tempoh masa yang Raja-Raja telah bertakhta di negeri masing-masing) akan diikuti. Bagi pemilihan-pemilihan selanjutnya, senarai negeri-negeri itu disesuaikan supaya ditinggalkan nama negeri yang mana Rajanya telah menamatkan tempoh jawatannya sebagai Yang di-Pertuan Agong. Tambahan lagi, sekiranya telah berlaku sebarang perubahan Raja bagi sesebuah negeri yang namanya berada dalam senarai pada masa itu atau jika seseorang Raja telah tidak menerima jawatan itu, nama negeri dalam kedua-dua keadaan begini akan dipindahkan ke hujung senarai tersebut.

Ini bermakna bahawa senarai yang telah asalnya dibentuk pada tahun 1957 hendaklah diikuti, kecuali bagi pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dibuat pada senarai itu untuk memenuhi perubahan-perubahan dalam kes-kes seseorang Raja tertentu telah tidak menerima jawatan. Melalui proses ini Perlembagaan menentukan bahawa setiap Raja dari sembilan buah negeri akan dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong.

The office of the Yang di-Pertuan Agong is not hereditary as the Federal Constitution clearly state that the office is based on the rotation system amongst the nine Rulers for a five year term.

The Third Schedule of the Federal Constitution provides for the order in which the nine Rulers are entitled to be elected as the Yang di-Pertuan Agong. It provides that for the election of the first Yang di-Pertuan Agong, the order of precedence amongst the nine Rulers at the time when the nation obtained its independence (based on the length of time the Rulers had reigned in their states), would be adhered to. For subsequent elections, the list of States is modified whereby the name of the State whose Ruler has completed his term of office as the Yang di-Pertuan Agong is omitted from the said list. Furthermore, if there be any change in the Ruler of the State which is on the list or where a particular Ruler has declined to accept office the State in either of these situations will be transferred to the end of the list.

The list that was originally constituted in 1957 has to be compiled with, except for modifications to accommodate changes in such cases where a Ruler who has been appointed has declined to accept the office. Through this process the Constitution ensures that every Ruler of the nine States will be appointed as the Yang di-Pertuan Agong.



Keberangkatan masuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong XV di Istana Negara. Turut berangkat Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj (kiri), Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail (belakang kanan) dan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah (belakang kiri).

Royal Entrance - Arrival of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V to the 244th Meeting of the Conference of Rulers (Special) in conjunction with the Pronouncement of the Oath of Office and Signing the Oath of Office as the Yang di-Pertuan Agong XV at Istana Negara. Also present are the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj (left), the Raja of Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail (rear right) and the Sultan of Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah (rear left).



Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menyembahkan Surat Perisyiharan Memegang Jawatan Yang di-Pertuan Agong XV kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V.

Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak presents the Instruments of Oath of Office to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan menandatangani Surat Perisyiharan Memegang Jawatan Yang di-Pertuan Agong XV.

His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V signing the Oath of Office as the Yang di-Pertuan Agong XV.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V berkenan melafaz sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong XV pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong XV pada 13 Disember 2016 di Istana Negara.

His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V sworn as the Yang di-Pertuan Agong XV at the 244th Meeting of the Conference of Rulers (Special) in conjunction with the Pronouncement of the Oath of Office and Signing the Oath of Office as the Yang di-Pertuan Agong XV on 13th December 2016 at Istana Negara.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzudin Shah
Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah melafaz sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong
pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) di Istana Negara pada 13 Disember 2016.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzudin Shah
Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah sworn in as the Deputy Yang di-Pertuan Agong
at the 244th Meeting of the Conference of Rulers (Special) on 13th December 2016 at Istana Negara.



Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan diakhiri dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan.
Doa Recital by the Federal Territory Religious Officer and the end of the Oath of Office.

ATUR CARA
ISTIADAT

Pertabalan

INSTALLATION CEREMONY
PROGRAMME

Istiadat Pertabalan

Tempat : Balairung Seri, Istana Negara

Tarikh : 24 April 2017 (Isnin)

Masa : 9.30 pagi

Pakaian

Lelaki

Pakaian Rasmi Jawatan / Pakaian Istiadat No. 1 (No.1 Dress)
Pakaian Kebangsaan Rasmi (Hitam) beristiadat lengkap bersamping hitam
benang emas, berbengkung, bertanjak dengan keris (Dif Melayu)
Lounge Suit Gelap (Dif Bukan Melayu) bagi yang tidak layak memakai pakaian istiadat
Pakaian Kebangsaan Negara masing-masing (Ketua-ketua Perwakilan negara asing)

Wanita

Pakaian Rasmi Jawatan / Pakaian Istiadat No. 1 (No.1 Dress)
Baju Kurung / Baju Kebaya Labuh bertudung / bersetelendang
Pakaian Kebangsaan (Sopan dan bersesuaian)

KETIBAAN DIF JEMPUTAN

Sebelum 9.15 pagi : Dif jemputan dipohon untuk berada di dalam Balairung Seri, Istana Negara

KEBERANGKATAN TIBA DULI-DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA, TUAN-TUAN YANG TERUTAMA, YANG DI-PERTUA-YANG DI-PERTUA NEGERI SERTA KETIBAANYANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI DAN YANG AMAT BERHORMAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

8.50 pagi : Ketibaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah Khamis

8.55 pagi : Ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor

9.00 pagi : Keberangkatan tiba Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri, Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan mengikut keutamaan di Anjung Utama dan diiringi ke Dewan Seri Maharaja

9.30 pagi : Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V di Peterana Diraja

- ‘HORMAT DIRAJA’

- Pemeriksaan Kawalan Kehormatan Utama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V

- ‘HORMAT DIRAJA’ kali kedua

PERGERAKAN MASUK KE BALAIRUNG SERI

9.45 pagi : Pergerakan masuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor serta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah Khamis ke Balairung Seri

- Keberangkatan masuk Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri, Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan ke Balairung Seri

10.00 pagi : Keberangkatan masuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V ke Balairung Seri

- Istiadat Pertabalan bermula
- Istiadat Pertabalan berakhir
- Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V meninggalkan Balairung Seri ke Dewan Seri Maharaja
- Keberangkaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri, Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan diiringi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor serta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah Khamis ke Dewan Seri Maharaja
- Acara bergambar
- Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V meninggalkan majlis
- Keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Permaisuri, Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan mengikut keutamaan meninggalkan majlis
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor meninggalkan majlis
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah Khamis meninggalkan majlis
- Difjemputan meninggalkan majlis
- Majlis bersurai

The Installation Ceremony

Venue : Balairung Seri, Istana Negara

Date : 24th April 2017 (Monday)

Time : 9.30 a.m.

Dress

Male

Official Ceremonial Dress (Official Designation Dress/No.1 Dress)

Official National Dress (black) with songkok and songket

Dark Lounge Suit (Non-Malay Dignitaries)

Official National Dress of Respective Countries (Head of Diplomatic Corps)

Female

Official Ceremonial Dress (Official Designation Dress/No.1 Dress/

Baju Kurung/Long Kebaya with shawl/decent and appropriate dress)

Official National Dress of Respective Countries (Head of Diplomatic Corps)

ARRIVAL AT ISTANA NEGARA

Before 9.15 a.m. : Arrival of distinguished guests at the Balairung Seri, Istana Negara

ARRIVAL OF THEIR ROYAL HIGHNESSES MALAY RULERS AND CONSORTS, THEIR EXCELLENCIES THE STATE GOVERNORS AND THE HONOURABLE PRIME MINISTER AND THE HONOURABLE DEPUTY PRIME MINISTER

8.50 a.m. : Arrival of the Honourable Deputy Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Sri Hamidah Khamis

8.55 a.m. : Arrival of the Honourable Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor

9.00 a.m. : Arrival of Their Royal Highnesses Malay Rulers and Consorts, Their Excellencies the State Governors and spouses at the Main Lobby and are accompanied to the Dewan Seri Maharaja

9.30 a.m. : Arrival of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V at the Royal Dais

- 'ROYAL SALUTE'

- Inspection of the Guard-of-Honour by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V

- The second 'ROYAL SALUTE'

ENTRANCE TO THE BALAIRUNG SERI

- 9.45 a.m. : *The Honourable Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor and The Honourable Deputy Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah Khamis are escorted to the Balairung Seri*
- *Their Royal Highnesses Malay Rulers and Consorts, Their Excellencies State Governors and spouses are escorted to the Balairung Seri*
- 10.00 a.m. : *Procession of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V to the Balairung Seri*
- *The Installation Ceremony*
- *The Installation Ceremony ends*
- *The departure of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V to the Dewan Seri Maharaja*
- *Departure of Their Royal Highnesses Malay Rulers and Consorts, Their Excellencies State Governors and spouses accompanied by the Honourable Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor and the Honourable Deputy Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah Khamis to the Dewan Seri Maharaja*
- *Photography Session*
- *The departure of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V to the Royal Wing*
- *Their Royal Highnesses Malay Rulers and Consorts, Their Excellencies State Governors and spouses depart from Istana Negara*
- *The Honourable Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor depart from Istana Negara*
- *The Honourable Deputy Prime Minister and Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hamidah Khamis depart from Istana Negara*

إستعادة قرطبلن

24 أفريل 2017 (إثنين)

9.30 فاكي

إستعادة فرطبلن

تاریخ - 24 أفریل 2017 (إثنين)

ماس - 9.30 ۋاڪى

ئىقت - بالايروغ سري، إستان نكارا

ۋاڪاين

للراكى

- ۋاڪاين راسمىي جاوتىن / ۋاڪاين إستعادة نومبور ساتو
- ۋاڪاين كېغسائەن راسمىي (ھېتىم) بىرإستعادة لغكەت بىرىقىع بىنۇڭ ئۆمسىز، بىرېڭىزكۈچ، بىر تىجىق دەعن كىرىس (ضييف ملايو)
- لوغ سوت كىلەت (ضييف بوكىن ملايو) دان باڭىي يېتىدۇق لايىق ماماڭاي ۋاڪاين إستعادة
- ۋاڪاين كېغسائەن نكارا ماسىيغ ۲ (دوتا ۲)

وانىتا

- ۋاڪاين راسمىي جاوتىن / ۋاڪاين إستعادة نومبور ساتو
- باجو كوروغ / باجو كبايا لاپوه بىر تىجىق دەعن / بىرىقىع
- ۋاڪاين كېغسائەن (سوڤن دان بىرسىسوايان)

أتورچارار يعكس إستعادة فرطبلن

كتياءن تمامو جمقوتن

سبلوم 9.15 ۋاڭى : ضيف جمقوتن دموهون أونتوق براد ددام بالايروغ سري، إستان نكارا كبرغىكىن تىبا دولى ۲ يغ مها موليا راج ۲ دان كتياءن توان ۲ يغ ترأوتام يغ دفترتوا- يغ دفترتوا نكىي، يغ أمت بحرمت فردا نا منتىي سرتا يغ أمت بحرمت تيمبالن فردا نا منتىي

8.50 ۋاڭى : كتياءن يغ أمت بحرمت تيمبالن فردا نا منتىي دان يغ أمت بربهاكىيا داتين سري حميدة خميس

8.55 ۋاڭى : كتياءن يغ أمت بحرمت فردا نا منتىي دان يغ أمت بربهاكىيا داتين سري روسمه منصور

9.00 ۋاڭى : كبراغىكىن تىبا دولى ۲ يغ مها موليا راج ۲ دان دولى ۲ يغ مها موليا راج ۲ فرماسورى دان كتياءن توان ۲ يغ ترأوتام يغ دفترتوا- يغ دفترتوا نكىي دان يغ أمت بربهاكىيا توه قوان- توه قوان معيكوت كأوتاماءن دأنجوغ أوتام دان دإيرىغى كدىوان سري مهاراج

9.30 ۋاڭى - كبراغىكىن تىبا كباوه دولى يغ مها موليا سري قدوك بىكىندا يغ دفترتوان أكوج XV د فيتزانا دراج - "حرمت دراج"

- ۋەرىقسىءان كاولن كحرمن ئوتام أولىيە كباوه دولى يغ مها موليا سري قدوك بىكىندا يغ دفترتوان أكوج XV سلطان محمد V - "حرمت دراج" كالىي كدوا

فرکرقن ماسوق کبالايروغ سري

9.45 ۋاتاكى : يۇغ أمت بىرحرمت فرداانا منتىرى دان يۇغ أمت بىربەاكىيا داتىن سري روسمە منصور

دان يۇغ أمت بىرحرمت تىمبالن فرداانا منتىرى دان يۇغ أمت بىربەاكىيا داتىن سري

حىمىدە خىميس ماسوق کبالايروغ سري

كىبراغۇكتەن ماسوق دولىي ۲ يۇغ مەها مولىيا راج ۲ دان دولىي ۲ يۇغ مەها مولىيا راج ۲

فرمايسورىي بىرسام ۲ توان ۲ يۇغ تراؤتام يۇغ دېرتىوا-يۇغ دېرتىوا نكىرى دان يۇغ أمت

بىربەاكىيا توه ۋوان- توه ۋوان کبالايروغ سري

10.00 ۋاتاكى : كىبراغۇكتەن ماسوق كباوه دولىي يۇغ مەها مولىيا سري قىدوك بىكىندا يۇغ دېرتىوان

أكوغ XV سلطان محمد V کبالايروغ سري

- إستعادة فرطابلن برمولا

- إستعادة فرطابلن برأخير

- كىبراغۇكتەن كباوه دولىي يۇغ مەها مولىيا سري قىدوك بىكىندا يۇغ دېرتىوان أكوغ XV

سلطان محمد V بىراغۇكتەن منىعكلەن بالايروغ سري كدىوان سري مهاراج

- كىبراغۇكتەن دولىي ۲ يۇغ مەها مولىيا راج ۲ دان دولىي ۲ يۇغ مەها مولىيا راج ۲ فرمايسورىي

بىرسام ۲ توان ۲ يۇغ تراؤتام يۇغ دېرتىوا-يۇغ دېرتىوا نكىرى دايىرىي يۇغ أمت بىربەاكىيا

توه ۋوان- توه ۋوان دايىرىي يۇغ أمت بىرحرمت فرداانا منتىرى دان يۇغ أمت بىربەاكىيا

داتىن سري روسمە منصور سرتا يۇغ أمت بىرحرمت تىمبالن فرداانا منتىرى دان يۇغ

أمت بىربەاكىيا داتىن سري حىمىدە خىميس كدىوان سري مهاراج

- أچارا بىركمىز

- كىبراغۇكتەن كباوه دولىي يۇغ مەها مولىيا سري قىدوك بىكىندا يۇغ دېرتىوان أكوغ XV

سلطان محمد V منىعكلەن مجلسى

- كيراعنكتن دولي ٢ يع مها موليا راج ٢ دان دولي ٢ يع مها موليا راج ٢ فرماسورى
دان توان ٢ يع ترأوتام يع دفترتا نكري دان يع أمت بربهاكيا توه
فوان - توه فوان معيكوت كأوتاماءن منيغكل肯 مجلس
- يع أمت بحرمت فردا نا منتري دان يع أمت بربهاكيا داتين سري روسه منصور
منيغكل肯 مجلس
- يع أمت بحرمت تيمبالن فردا نا منتري دان يع أمت بربهاكيا داتين سري حميده
خميس منيغكل肯 مجلس
- ضيف جمقوتن منيغكل肯 مجلس
- مجلس برسوري





**PAKAIAN ISTIADAT
YANG DI-PERTUAN AGONG
CEREMONIAL DRESS OF THE
YANG DI-PERTUAN AGONG**



MUSKAT



Muskat merupakan pakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong. Rekabentuk asal baju ini dari ibu negara Oman. Muskat iaitu negara Islam yang berhampiran dengan negara Iran. Pakaian rasmi ini mula dipakai pada tahun 1960 iaitu semasa pertabalan Yang di-Pertuan Agong ketiga yang diilhamkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Baju ini telah diubahsuai daripada pakaian rasmi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah.

Baju ini diperbuat daripada benang bulu berwarna hitam yang dijahit dengan sulaman benang emas bercorak awan larat dan bunga raya yang melambangkan bunga kebangsaan Malaysia. Baju ini labuh hingga ke paras peha dan berlengan panjang. Pada kebiasaannya, baju ini dipakai bersekali dengan seluar panjang bersulam di kaki dan tengkolok dalam majlis-majlis sempena Hari Pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, lawatan-lawatan rasmi Yang di-Pertuan Agong ke negeri-negeri seluruh Malaysia dan Perasmian Persidangan Penggal Parlimen.

The muskat is the official dress of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. The design of this dress originated from Muscat, capital of Oman and an Islamic State situated close to Iran. This dress was first used in 1960 that is during the installation of the Third Yang di-Pertuan Agong. It was the brainchild of the late Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, the first Prime Minister of Malaysia. The design of the dress was a modification of the official dress for members of the Kedah Civil Service.

The Muskat is made from black fur, stitched, embroidered and decorated with gold thread in Malay traditional motifs and hibiscus design, the national flower of Malaysia. It is a thigh-length dress with long sleeves. The dress is worn with a pair of trousers that is decorated with embroidery at the bottom, a shirt, a head wear (Tengkolok Diraja), a buckle (Pending Diraja), a belt, samping and a short keris during functions held in conjunction with the installation ceremony, official birthday, official visits and the official opening of Parliament Sessions.

MESS KIT

Mess kit merupakan pakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong ketika menghadiri majlis santapan malam beristiadat. Mess kit telah diwujudkan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 20 Februari 2009. Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan cadangan reka bentuk Mess kit. Cadangan reka bentuk Mess kit telah diangkat untuk disembah perkenan dalam Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja ke-222 pada 12 Oktober 2009. Setelah mengambil kira pandangan dan nasihat Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, pengubahsuaian sewajarnya telah dilakukan dan akhirnya Mess kit tersebut telah sempurna disiapkan dan disembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Xlll pada 24 November 2011. Dengan itu, secara rasminya Mess kit menjadi salah satu daripada pakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong di samping Muskat.

Secara umumnya reka bentuk dan corak Mess kit diolah berdasarkan kepada Muskat Yang di-Pertuan Agong. Awan larat pada kollar dan lengan baju merupakan elemen seni reka yang begitu signifikan dengan istana yang melahirkan identiti kebangsaan. Manakala bunga raya merupakan bunga kebangsaan Malaysia yang melambangkan keberanian, perpaduan dan lima kelopak pula menggambarkan lima prinsip Rukun Negara. Mess kit dipakai bersekali dengan vest dan kemeja berwarna putih di samping seluar panjang hitam yang mempunyai jalur berwarna keemasan di bahagian tepinya. Aksesori tambahan terdiri daripada epolet yang dihiasi lambang Yang di-Pertuan Agong dan keris bersilang, di mana keris merupakan sebahagian pakaian kebesaran Diraja, di antaranya pula diletakkan lima bintang pecah lima yang disusun secara bulatan menggambarkan Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi Angkatan Tentera. Menghiasi bahagian dada sebelah kanan pula adalah aiguillette berwarna keemasan yang sinonim dengan pakaian seragam untuk menambah kesegakan.



The Mess Kit is the official dress of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and is worn when His Majesty attends a ceremonial dinner. The dress is created in line with the decision of the Cabinet at its meeting on 20th February 2009. The Ceremonial and International Conference Secretariat Division, Prime Minister's Department prepared the proposed design of the Mess Kit. The proposed design was then presented for royal approval at the 222nd Pre-Council Meeting of the Conference of Rulers on 12th October, 2009. After taking into consideration the opinion and advice of Their Royal Highnesses, appropriate modifications were made to the original design and finally, the Mess Kit was presented to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong Xlll on 24th December 2011. Thus, the Mess Kit becomes an official dress of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, besides the Muskat.

Generally, the design and pattern of the Mess Kit is inspired by the Muskat of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. The Malay traditional motifs that decorate the collar and sleeves of the dress bear the elements of palatial designs which reflect the national identity. Hibiscus, the national flower of Malaysia, reflects bravery and unity, while its five petals symbolize the five principles of Rukun Negara (National Ideology). The Mess Kit is worn together with a vest and an epolet decorated with the crest of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and the two crossed royal regalia keris. Five five-pointed stars placed in a circular pattern in the middle reflect the position of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong as the Commander-in-Chief of the armed forces. The right upper front of the dress is decorated with a golden aiguillette which signifies elegance.

TENGKOLOK DIRAJA



Salah satu pakaian kebesaran Raja-Raja Melayu ialah Tengkolok Diraja. Semenjak beberapa kurun lamanya, Raja-Raja Melayu telah memakai kain yang ditenun dengan sutera yang diikat dengan pelbagai solek di ulunya, sebagai pakaian kebesaran. Bentuk ikatan (solek) dan warnanya adalah berlainan dari sebuah negeri ke sebuah negeri. Kain ulu itu dinamakan 'Tengkolok' dan Tengkolok Diraja yang dipakai oleh Yang di-Pertuan Agong pada Hari Pertabalan adalah berwarna hitam bersulam benang emas. Soleknya dinamakan 'Dendam Tak Sudah' yang berasal dari Negeri Sembilan. Di sebelah hadapan tengkolok ini dipasangkan anak bulan dengan bintang pecah empat belas yang diperbuat daripada emas putih dan di tengah-tengah bintang terletak lambang Kerajaan Persekutuan yang berwarna-warni.

A traditional part of the ceremonial dress of Malay royalty is the Tengkolok Diraja (Royal Headwear). For centuries, it is worn as a head wear, a silk kerchief folded and tied in various styles. The styles and colours vary from State to State. The Tengkolok Diraja is worn by His Majesty during the Installation Ceremony is black and interwoven with gold thread. It is tied in the style of Dendam Tak Sudah (Endless Yearning) which originates from Negeri Sembilan. Affixed to the front of the Tengkolok is a crescent and a fourteen-pointed star made of platinum and studded with diamond with the Malaysian Crest in the centre.

PENDING DIRAJA



Pending Diraja diperbuat daripada emas sepuluh mutu bertatah dan bersulamkan dengan permata delima dan di tengah-tengahnya pula tertera lambang Kerajaan Persekutuan. Tali bengkungnya diperbuat daripada kain saklhat bertekat benang emas dengan corak berbunga-bunga.

Pending Diraja (Royal Buckle) is made of pure gold and decorated with rubies with an engraved centrepiece featuring the Federation Crest. The belt is made of heavy ribbed silk and embroidered with floral motifs in gold thread.

KERIS PENDEK DIRAJA



Keris Pendek Diraja diperbuat daripada mata keris lama dengan berhulu dan bersarungkan gading yang bertatahkan emas. Hulu keris ini dinamakan 'Hulu Pekaka' dan berupa kepala 'Garuda'. Di sampir keris ini diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan. Keris ini ialah salah satu pakaian kebesaran Diraja dan seperti Keris Panjang Diraja, ia hanya dipakai oleh Yang di-Pertuan Agong.

The Keris Pendek Diraja is made from the blades of old keris and has an ivory hilt and sheath. The hilt is called Hulu Pekaka and is shaped like the head of a legendary Garuda. The sheath is decorated in gold with the Federation Crest embossed on the cross piece. It is part of the personal regalia of His Majesty and like the Keris Panjang Diraja, it is worn only by him.

GENDIK DIRAJA



Gendik Diraja adalah alat kebesaran yang dipakai di ulu Raja Permaisuri Agong. Ia diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian berbunga awan larat. Di tengah-tengahnya, di atas awan larat itu terdapat anak bulan dengan bintang, di mana kedua-duanya diperbuat daripada emas putih. Gendik ini dipakai oleh Raja Permaisuri Agong dalam istiadat-istiadat kebesaran Diraja dan pada waktu Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong. Gendik ini diperbuat khas supaya boleh dicerai menjadi loket dan kerongsang.

Gendik Diraja (Royal Tiara) is made of platinum and studded with diamonds with the design of awan larat. In the centre and on the awan larat is a crescent with a star, both made of platinum. The Gendik is worn by Her Majesty the Raja Permaisuri Agong during royal ceremonial occasions and on the day of the Installation of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. The Gendik is so designed that it can be separated to form a locket and brooches.

KALUNG DIRAJA

Kalung Diraja ialah rantai leher yang dipakai oleh Raja Permaisuri Agong. Ia diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian. Kalung ini merupakan sebahagian daripada alat kebesaran yang dipakai oleh Raja Permaisuri Agong dalam istiadat-istiadat kebesaran Diraja dan pada waktu Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong. Kalung ini juga boleh diceraikan menjadi sepasang subang, kerongsang dan kerabu.

Kalung Diraja (*Royal Necklace*) is made of platinum and studded with diamonds. It is also worn by Her Majesty during royal ceremonial occasions and on the day of the Installation of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. Kalung can be separated into a pair of earrings, brooches and an ornament for the ears.





Mess Kit mula dipakai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiq Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Yang di-Pertuan Agong XIII dalam Majlis Santapan Diraja pada 10 Disember 2011.

The Mess Kit was first worn by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiq Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XIII at the Royal Banquet on 10th December 2011.






**ALAT-ALAT
KEBESARAN DIRAJA
ROYAL REGALIA**




KERIS PANJANG DIRAJA



Alat kebesaran Melayu yang sangat dimuliakan ialah keris. Keris Panjang Diraja adalah alat kebesaran negara yang utama dalam istiadat pertabalan. Keris Panjang Diraja adalah Keris Kerajaan dan merupakan tanda kebesaran dan kekuasaan. Keris ini, dari hulu hingga ke sarungnya bersalut dengan emas dan di atas sampirnya diterapkan lambang Kerajaan Persekutuan dan lambang 11 negeri-negeri Tanah Melayu. Matanya ditempa daripada besi waja yang diambil dari 11 bilah keris negeri-negeri itu. Hulu keris ini berbentuk Tapak Kuda dengan hiasan yang merupakan buah jering. Keris ini hanya dibawa oleh Yang di-Pertuan Agong dalam istiadat-istiadat tertentu sahaja.

Amuch respected item of the Malay regalia in the Installation Ceremony is the keris named Keris Panjang Diraja. It symbolizes power and authority. Gilded throughout, it has the Federation Crest as well as Crests of the eleven States of Malaya engraved on the sheath. The blade is made from the steel taken from eleven keris originating from these states. The hilt, shaped like the hoof of a horse (tapak kuda), is decorated with the jering fruit motif. It is carried only by His Majesty.

COGAN AGAMA



Cogan Agama diperbuat daripada perak, panjangnya 155.04 sentimeter berupa sebatang tongkat bulat berhulu besar. Di atas hulu tongkat itu diperbuat anak bulan dengan bintang pecah lima daripada emas. Pada batang dan hulunya diterapkan dengan ayat-ayat suci Al-Quran.

The Cogan Agama is also made of silver. It measures 155.04 cm in length and consists of a large conical-shaped head with a five-pointed star made of gold at the top, mounted on a long shaft. Verses from the Holy Quran are embossed on the head and the shaft.


COGAN ALAM



Cogan Alam diperbuat daripada perak, panjangnya 162.66 sentimeter berupa suatu bulatan di atas hulu tongkat. Di atas bulatan ini diperbuat anak bulan dengan bintang daripada emas. Di sekeliling bulatan ini diterapkan dengan lambang 11 negeri-negeri Tanah Melayu yang diperbuat daripada emas. Bulatan tersebut ditanggung oleh empat harimau yang berdiri manakala tongkatnya dihiasi dengan enam tangkai padi yang diperbuat daripada emas.

The Cogan Alam, which is made of silver, measures 162.66 cm in length and consists of an orb at the top of a long shaft. The orb is surmounted by the crescent and an eleven pointed star of gold. Around the centre of the orb, the Crest of the eleven States of Malaya are embossed in gold. The orb is supported by four tigers, whilst the shaft itself is decorated with six padi stalks carved in gold.

COKMAR



Cokmar ialah tongkat pendek berhulukan kubah yang merupakan alat perang zaman dahulu. Alat kebesaran Cokmar terdiri daripada dua batang dan ia diperbuat daripada perak dan panjangnya ialah 81.32 sentimeter.

The Cokmar is a traditional Malay weapon (war club) made of silver. It comes in a pair and each is 81.32cm in length and consists of a circular fluted orb of plain silver, mounted on a short shaft, also made of silver.

PEDANG, KERIS PANJANG DAN SUNDANG DIRAJA



Pedang, Keris Panjang dan Sundang Diraja ialah tiga senjata Melayu yang dijadikan sebahagian daripada alat kebesaran Diraja iaitu diambil daripada mata pedang panjang dan sundang zaman purbakala. Keris Panjang dan Sundang Diraja pula disalut dengan perak serta berukir pada hulu dan sarungnya.

Pedang, Keris Panjang and Sundang Diraja are traditional Malay weapons made of the blades of ancient pedang and keris which have become part of the symbols of royalty. Keris Panjang and Sundang have silver-gilt hilts and sheaths.

PAYUNG UBUR-UBUR KUNING DAN TOMBAK BERAMBU



Payung Ubur-Ubur Kuning dan Tombak Berambu ini juga adalah sebahagian daripada alat kebesaran Diraja. Payung Ubur-ubur Kuning yang diperbuat daripada kain sutera yang berwarna kuning Diraja iaitu suatu warna yang dipandang mulia oleh orang Melayu dan dikhasikan menjadi lambang kebesaran Raja-Rajanya. Di puncaknya dipasangkan anak bulan dengan bintang.

Di samping itu, Tombak Berambu yang matanya berlok tiga diperbuat daripada tombak-tombak pusaka dari 11 buah negeri di Tanah Melayu.



Payung Ubur-Ubur Kuning and Tombak Berambu constitute part of the symbols of royalty. Payung Ubur-ubur Kuning are made of silk. Yellow symbolizes royalty and is reserved for royal usage. At the top of the Royal Umbrella is a star and crescent.

Tombak Berambu comes with blades with three curved indentations. They are made from ancient spears collected from the 11 States of Malaya.





PASUKAN
GENDANG BESAR D'RAJA KELANTAN



PASUKAN GENDANG BESAR D'RAJA KELANTAN

Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan mempunyai sejarah yang lama dan dimainkan oleh pemuzik-pemuzik yang turun temurun dan zaman berzaman.

Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan diketuai oleh seorang ketua. Ketua Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan akan sentiasa bersama kumpulan gendang

*G*endang Besar D'Raja Kelantan Team has a long history in Royal Ceremonies and has been performed by members which consist of musicians who inherit the skill from generation to another generation.

Gendang Besar D'Raja Kelantan team is headed by a team leader who is recognizable because he will always be with the team holding a keris. Gendang



dengan memegang keris, selain dari itu, Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan disertai oleh seorang bomoh. Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan hanya boleh dimainkan atas titah Sultan dan ianya akan dimainkan dalam istiadat Diraja seperti Pertabalan Sultan Kelantan, Istiadat Sambutan Hari Keputeraan Sultan Kelantan dan Perkahwinan Diraja. Alat-alat Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan hanya boleh dimainkan oleh pemain yang dipilih sahaja. Pemilihan ahli-ahli pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan adalah daripada keturunan sebelumnya.

Besar D'Raja Kelantan team is joint by a shaman. The Gendang Besar D'Raja Kelantan team can only be performed by the order of the Sultan and it is performed in Royal Ceremonies such as the Installation, Birthday Ceremony and the Royal Wedding of the Sultan. The Gendang Besar D'Raja Kelantan team's instruments can only be performed by selected team members. The selection of Gendang Besar D'Raja Kelantan team members is by inheritance.



Pasukan Gendang Besar D'Raja Kelantan ini mengandungi

- dua buah gendang besar
- serunai besar
- serunai kecil
- sepasang gong
- rebab

Lagu-lagu yang mengiringi Istiadat D'Raja ialah :

- “Daulat Tuanku”
(dimainkan semasa Istiadat Meletak Kerja)
- “Raja Bertabal”
(dimainkan semasa pertabalan Sultan)
- “Raja Berangkat”
(dimainkan semasa keberangkatan tiba dan keberangkatan pulang Sultan)
- “Seri Istana”
(dimainkan semasa keberangkatan ke majlis singgahsana)

The Gendang Besar D'Raja Kelantan consists of

- *a pair of gendang besar*
- *serunai besar*
- *serunai kecil*
- *a pair of gong*
- *rebab*

Songs to accompany the Royal Ceremony are :

- *“Daulat Tuanku”*
(performed during Meletak Kerja
(Opening Ceremony))
- *“Raja Bertabal”*
(performed during the Installation of the Sultan)
- *“Raja Berangkat”*
(performed during the arrival and departure of
the Sultan)
- *“Seri Istana”*
(performed upon the Sultan's ascend to the
throne)








PANJI
YANG DI-PERTUAN AGONG
ROYAL STANDARD OF
THE YANG DI-PERTUAN AGONG



PANJI YANG DI-PERTUAN AGONG



Panji Yang di-Pertuan Agong yang berwarna kuning mempunyai lambang Kerajaan Persekutuan di tengah-tengah dengan dikelilingi oleh dua karangan padi. Warna kuning ialah warna Diraja. Karangan padi yang berwarna keemasan melambangkan kemewahan dan kemakmuran.

The Royal Standard of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong which is yellow, bears the Malaysian Crest in the centre, enclosed by two sheaves of paddy. Yellow is the royal colour while the golden sheaves of paddy signify the prosperity.





Istana Negara, Kuala Lumpur



ISTANA NEGARA



ISTANA NEGARA



Istana Negara merupakan tempat bersemayam Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Istana Negara yang terletak di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur menjadi mercu tanda baru bagi sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan di Malaysia. Seni binanya mengambil kira aspek keselamatan selain ciri-ciri estetika yang menekankan elemen binaan Islam dan tradisional Melayu. Istana ini dibina di atas tanah berkeluasan 241.3 ekar.

Pentadbiran Istana Negara di Jalan Tuanku Abdul Halim mula beroperasi sepenuhnya dalam tempoh Pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah iaitu pada 11 November 2011. Istiadat Menaikkan Panji Yang di-Pertuan Agong telah berlangsung pada 15 November 2011 sebagai simbolik bahawasanya Istana Negara, Jalan Tuanku Abdul Halim secara rasminya menjadi Istana Negara di Malaysia.

Antara keunikan yang dapat dilihat pada Istana Negara ini adalah bilangan kubahnya yang berjumlah 22 buah kesemuanya. Pada dua kubah terbesar, terdapat reka bentuk seperti sirih bertindih. Pada waktu malam, cahaya daripada lampu hiasan yang menerangi kubah berkenaan akan memberi kesan ilusi yang sangat cantik. Cahaya tersebut, boleh bertukar warna mengikut jenis acara rasmi yang sedang berlangsung dan dapat dilihat dengan jelas dari luar kawasan Istana Negara ini.

Istana Negara is the official residence of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and Her Majesty the Raja Permaisuri Agong. Situated at Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur, the palace is a new landmark for the constitutional monarchy system in Malaysia. The architectural concept of the palace places prioritize on the aspect of security and aesthetical values that give prominence to Islamic and Malay architecture. The palace occupies an area of 241.3 acres.

The administration of the Istana Negara at Jalan Tuanku Abdul Halim began its full operation on 11th November, 2011 during the reign of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XIII Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. The raising of the Royal Standard of the Yang di-Pertuan Agong Ceremony was held on 15th December 2011 to symbolize that the Istana Negara at Jalan Tuanku Abdul Halim has officially become the National Palace of Malaysia.

Among the unique features of the new Istana Negara is its 22 domes. The two biggest domes are designed in the form of neatly layered beetle leaves. When night falls, the radiant rays of the decorative lights that illuminate the domes produce a spectacular impact to its surrounding. The colour of the lights will change according to the functions held at the palace and can clearly be seen from afar.


SINGGAHSANA

Singgahsana merupakan lambang kebesaran takhta kerajaan sesebuah negara. Raja yang memerintah akan bersemayam di atas Singgahsana dengan penuh berdaulat lagi mulia. Maka, dengan tujuan yang sama, Singgahsana yang terdapat di Balairung Seri, Istana Negara telah dibina dengan penuh pengertian dan makna untuk memperlihatkan sebuah struktur yang mempunyai nilai kesenian Melayu yang tinggi mutunya, bersesuaian untuk kegunaan rasmi Yang di-Pertuan Agong dalam melaksanakan tugas sebagai Ketua Negara. Singgahsana digunakan sebagai tempat bersemayam Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ketika Istiadat Pertabalan dilangsungkan. Bagi memenuhi hakikat tersebut, Singgahsana telah dihiasi dengan motif ukiran yang menggabungkan ciri-ciri awan larat dan ditaburi dengan motif bunga raya yang merupakan bunga kebangsaan. Motif-motif ukiran ini pula diserikan dengan salutan berwarna keemasan bagi menimbulkan ciri keagungannya.

Keseluruhan reka bentuk Singgahsana ini melurus ke atas untuk memberi makna bahawa segala makhluk dan umat manusia yang dijadikan Tuhan hendaklah sentiasa mengingati dan menghormati pencipta alam iaitu Allah S.W.T. Tiang-tiang lurus yang berukir melambangkan inspirasi, daya utama dan cita-cita rakyat yang berbilang kaum untuk mencapai perpaduan, keamanan dan kemakmuran. Selain daripada itu terdapat juga tulisan Allah, Muhammad dan sepotong ayat suci Al-Quran yang melambangkan kedudukan Islam sebagai Agama Rasmi dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Persekutuan. Ukiran ayat suci Al-Quran yang digunakan bermaksud: Katakanlah (Wahai Muhammad), Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintah, Engkaulah yang memberi kuasa pemerintah dari sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintah dari sesiapa yang Engkau kehendaki. (Ali-Imran:26).

The Singgahsana is the symbol of supremacy of the country. The ruling King will sit on the Singgahsana with honour and sovereignty. It is thus for the same purpose that the Singgahsana at the Balairung Seri of Istana Negara has been artistically and elaborately designed to reflect a structure that embodies traditional Malay values of the highest quality, befitting the official use of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong in carrying out his duties as the Head of State. The Singgahsana is the seat of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and Her Majesty the Raja Permaisuri Agong during the Installation Ceremony. The structure is decorated with carvings that incorporate a combination of motifs, including that of the hibiscus, the national flower of Malaysia. The gold colour of the carved motifs serves to highlight the supreme feature of the Singgahsana.

The overall design of the Singgahsana is of an upright structure to symbolize that all human beings ought to constantly remember and bow their Creator, that is, Allah the Almighty. The carved pillars symbolize the inspiration, endeavour and inspiration of the multiracial people of the country to achieve national unity, peace and prosperity. The inscription of the word Allah, Muhammad and a verse of the holy Quran signify the position of Islam as the official religion of the Federation. The verse of the Holy Quran means: Say ye (O) Muhammad : O Allah Who holds the power of governing, it is You who gives the power to govern to whom You wish and it is You who withdraws the power to govern from whom You wish. (Ali-Imran:26).



SINGGAHSANA KECIL



Singgahsana Kecil ini digunakan bagi tujuan Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Menteri Persekutuan (Jika diadakan berasingan daripada Istiadat penuh yang melibatkan semua menteri); Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Sebagai Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya Tinggi-Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke Luar Negara; Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri; Istiadat Menghadap Dan Menerima Surat cara Pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi; Istiadat Pengurniaan watikah perlantikan kepada Ketua Pengarah SPRM; Istiadat Pengurniaan Watikah Perlantikan kepada Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; dan Istiadat Pengurniaan Watikah Perlantikan kepada hakim-hakim Mahkamah Syariah.

Singgahsana Kecil is used as the venue for the presentation of appointment letters, swearing-in, pledge of allegiance and the taking of Oath of Secrecy ceremony by Cabinet Ministers (if it is held separately from the ceremony that involves all ministers); the ceremony for the presentation of Credentials to Malaysian Ambassadors and High Commissioners to foreign countries; the ceremony for the presentation of appointment letters to Their Excellencies the Yang di-Pertua Negeri; the ceremony for an audience with His Majesty the Yang di-Pertuan Agong for the presentation of appointment letters to Judges of the Federal Court, Court of Appeal and High Court; Ceremony for the presentation of appointment letters to the Director General of Anti-Corruption Commission of Malaysia, presentation of appointment letters to the Director General of Maritime Enforcement Agency of Malaysia and the presentation of appointment letters to the judges of Syariah Court.

BILIK MESUARAT RAJA-RAJA



Bilik Mesuarat Majlis Raja-Raja berfungsi sebagai bilik mesuarat bagi Majlis Raja-Raja yang lazimnya diadakan tiga kali setahun tetapi Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah memanggil Mesuarat Majlis Raja-Raja apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang di-Pertuan Agong atau oleh tidak kurang daripada tiga orang anggota Majlis ataupun tidak lewat daripada empat minggu sebelum habis tempoh jawatan Yang di-Pertuan Agong dan juga bila mana berlaku kekosongan dalam jawatan Yang di-Pertuan Agong atau Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

The Conference of Rulers Hall is specially used as the Meeting Room for Rulers which is usually held three times a year. However, the Keeper of the Rulers' Seal will convene the Meeting of the Conference of Rulers as commanded by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong or at the request of at least three members of the Rulers Conference or not later than four weeks prior to the end of the term of office of the Yang di-Pertuan Agong.

DEWAN SERI MAHARAJA



Dewan Seri Maharaja merupakan dewan yang digunakan untuk majlis menghadap pembesar-pembesar luar negara. Dewan ini juga digunakan sebagai tempat menghadap Ketua Negara bersama Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sebelum Majlis Jamuan Negara. Fungsi lain dewan ini ialah dewan tempat Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong menyambut keberangkatan DYMM Raja-Raja dan Permaisuri-Permaisuri Baginda, TYT Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan isteri, YAB Perdana Menteri dan isteri serta YAB Timbalan Perdana Menteri dan isteri sempena Majlis Santapan Malam memuliakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja; Istiadat Pengurniaan Darjah Kerabat kepada DYMM Raja-Raja dan bakal-bakal Raja dalam Negara dan juga Pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan kepada tetamu-tetamu luar negara; Majlis Menghadap Penerima Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Persekutuan dan Wilayah Persekutuan; dan Istiadat Pengurniaan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong disaksikan oleh DYMM Raja-Raja dan TYT Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

Dewan Seri Maharaja is used for the ceremony for an audience with His Majesty the Yang di-Pertuan Agong by foreign dignitaries. It is also a place for an audience with Their Majesties the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong by foreign Head of States prior to a State Banquet. Dewan Seri Maharaja also serves as the place for Their Majesties the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong to receive the Rulers and their Consorts, the State Governors and spouses, the Honourable Prime Minister and spouse and the Honourable Deputy Prime Minister and spouse in conjunction with the Royal Dinner in honour of the Meeting of the Rulers Conference; the ceremony to bestow the Darjah Kerabat on Their Royal Highnesses Malay Rulers and the investiture ceremony for foreign guests and dignitaries, the ceremony for an audience with Their Majesties the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong by recipients of the Federal and the Federal Territories honours and awards; and the ceremony for the conferment of the Yang di-Pertuan Agong Scholarships attended by the Rulers and the State Governors.

DEWAN SERI MAHKOTA



Dewan Seri Mahkota berfungsi sebagai tempat menghadap Ketua-Ketua Kerajaan dengan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta tempat berlangsungnya Majlis Menghadap oleh kerabat-kerabat Diraja.

Dewan Seri Mahkota serves as a place where foreign Heads of State have an audience with Their Majesties the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong. It is also a place where members of the royal families to have an audience with Their Majesties.

DEWAN SERI NEGARA



Dewan Seri Negara merupakan tempat berlangsungnya acara bergambar Yang di-Pertuan Agong bersama DYMM Raja-Raja dan TYT Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri selepas Istiadat Lafaz Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong. Turut serta bersama adalah YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YAB Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri. Selain itu juga, dewan ini dijadikan tempat bergambar Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong bersama DYMM Raja-Raja dan Permaisuri-Permaisuri Baginda, TYT Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan isteri, YAB Perdana Menteri dan isteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan isteri selepas Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong.

Dewan Seri Negara is a place used for a photography session by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong with the Rulers and the State Governors. The photography session is also joined by the Honourable Prime Minister, the Honourable Deputy Prime Minister and the Chief Ministers. Dewan Seri Negara is also used for a photography session by Their Majesties and Malay Rulers and Consorts, the State Governors and spouses, the Honourable Prime Minister and spouse and the Honourable Deputy Prime Minister and spouse after the installation of the Yang di-Pertuan Agong.






**DARJAH KEBESARAN, BINTANG
DAN PINGAT PERSEKUTUAN
FEDERAL HONOURS AND AWARDS**



DARJAH YANG MAHA UTAMA KERABAT DI-RAJA MALAYSIA

DARJAH YANG MAHA UTAMA KERABAT DI-RAJA MALAYSIA (D.K.M.)



Darjah kebesaran ini mempunyai satu pangkat sahaja dan bilangan ahli terhad seramai 10 orang. Darjah kebesaran ini dipersembahkan hanya kepada Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong.

This Order has only one rank. It is limited to ten recipients. It is only conferred to Rulers who were elected as the Yang di-Pertuan Agong.

DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA

DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.)



Darjah kebesaran ini mempunyai satu pangkat sahaja. Bilangan ahli terhad kepada 30 orang; dipersembahkan kepada Raja Permaisuri Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, Ketua-ketua Negara dan orang yang amat ternama.

This Order has only one rank. It is limited to 30 recipients. It is conferred to the Raja Permaisuri Agong, Their Majesties Raja-Raja, Heads of States and the most distinguished individuals.

DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGARA

SERI MAHARAJA MANGKU NEGARA (S.M.N.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Pertama. Darjah Kebesaran ini dikurniakan kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang dengan penuh tanggungjawab serta mempunyai pengaruh yang tinggi dalam negara. Darjah Kebesaran ini terhad kepada 25 orang, tidak termasuk jumlah warganegara asing yang menerima sebagai anugerah kehormat. Penyandang Darjah ini membawa gelaran 'Tun' dan isteri penyandang bergelar 'Toh Puan'.

First rank of the Order of Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. This Order is conferred to individuals who have given distinguished service to the country in positions of the greatest influence and highest responsibility. It is limited to 25 recipients excluding foreign citizens who are conferred with the honorary award of this Order. It carries the title of 'Tun' to the individual and 'Toh Puan' to the wife.

DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGARA

PANGLIMA MANGKU NEGARA (P.M.N.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Kedua. Darjah kebesaran ini membawa gelaran ‘Tan Sri’ dan isteri penyandang bergelar ‘Puan Sri’. Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 75 orang tidak termasuk warganegara asing yang menerimanya sebagai amugerah kehormat.

Second rank of the Order of Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. It is limited to 75 recipients excluding foreign citizens who are conferred honorary awards of this Order. It carries the title of ‘Tan Sri’ to the individual and ‘Puan Sri’ to the wife.

DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGARA

JOHAN MANGKU NEGARA (J.M.N.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Ketiga. Di sebelah kiri ialah darjah yang dikurniakan kepada penerima lelaki dan di sebelah kanan pula dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaan bagi darjah ini.

Third rank of the Order of Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. The Order on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGARA

KESATRIA MANGKU NEGARA (K.M.N.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuhan Negara Pangkat Keempat. Di sebelah kiri ialah bintang yang dikurniakan kepada penerima lelaki manakala di sebelah kanan dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaian bagi bintang ini.

Fourth rank of the Order of Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. The Order on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGARA

AHLI MANGKU NEGARA (A.M.N.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Kelima. Di sebelah kiri ialah bintang yang dikurniakan kepada penerima lelaki manakala di sebelah kanan dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaan bagi bintang ini.

Fifth rank of the Order of Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. The Order on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH YANG MULIA PANGKUAN NEGARA

PINGAT PANGKUAN NEGARA (P.P.N.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Pangkat Keenam. Di sebelah kiri ialah pingat yang dikurniakan kepada penerima lelaki manakala di sebelah kanan dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaan bagi pingat ini.

Sixth rank of the Order of Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara. The medal on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH YANG MULIA SETIA MAHKOTA MALAYSIA

SERI SETIA MAHKOTA (S.S.M.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Pertama. Darjah Kebesaran ini dikurniakan kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang dengan penuh tanggungjawab serta mempunyai pengaruh yang tinggi dalam negara. Darjah Kebesaran ini terhad kepada 35 orang, tidak termasuk jumlah warganegara asing yang menerima sebagai anugerah kehormat. Penyandang Darjah ini membawa gelaran 'Tun' dan isteri penyandang bergelar 'Toh Puan'.

First rank of the Order of Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia. This Order is conferred to individuals who have given distinguished service to the country with greatest influence and highest responsibility. This Order is limited to 35 recipients excluding foreign citizens who are conferred with the honorary award of this Order. It carries the title of 'Tun' to the individual and 'Toh Puan' to the wife.

DARJAH YANG MULIA SETIA MAHKOTA MALAYSIA

PANGLIMA SETIA MAHKOTA (P.S.M.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Kedua. Darjah kebesaran ini membawa gelaran ‘Tan Sri’ dan isteri penyandang bergelar ‘Puan Sri’. Keanggotaan dalam Darjah ini terhad kepada 1,000 orang tidak termasuk anugerah kehormat yang dikurniakan kepada warganegara asing.

Second rank of the Order of Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia. This Order is limited to 1000 recipients excluding foreign citizens who are conferred honorary awards of this Order. It carries the title of ‘Tan Sri’ to the individual and ‘Puan Sri’ to the wife.

DARJAH YANG MULIA SETIA MAHKOTA MALAYSIA

JOHAN SETIA MAHKOTA (J.S.M.)



Merupakan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia Pangkat Ketiga. Di sebelah kiri ialah darjah yang dikurniakan kepada penerima lelaki dan di sebelah kanan pula dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaan bagi darjah ini.

Third rank of the Order of Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia. The Order on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH BAKTI

DARJAH BAKTI (D.B.)



Darjah Bakti dikurniakan kepada rakyat Malaysia yang masyhur di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa kerana sumbangan cemerlang dalam kemajuan seni, sains dan kemanusiaan. Darjah ini dihadkan kepada 10 orang sahaja.

This award is conferred to Malaysian citizens as a reward for outstanding services to the arts, sciences and humanities; nationally or internationally. It is limited to ten recipients.

DARJAH YANG MULIA JASA NEGARA

PANGLIMA JASA NEGARA (P.J.N.)



Darjah kebesaran ini mempunyai satu pangkat sahaja. Darjah kebesaran ini dikurniakan sebagai menghargai jasa dan perkhidmatan cemerlang serta dedikasi yang tinggi kepada negara. Penganugerahan Darjah Yang Mulia Jasa Negara membawa gelaran ‘Datuk’ dan isteri penyandang bergelar ‘Datin’. Keanggotaan dalam darjah ini terhad kepada 1,500 orang, tidak termasuk warganegara asing yang dikurniakan sebagai anugerah kehormat.

This Order has only one rank. This Order is conferred to individuals who have given rendered meritorious services to the country. The Order is limited to 1,500 recipients excluding foreign citizens who are conferred this honorary award of the Order. It carries the title of ‘Datuk’ to the individual and ‘Datin’ to the wife.

DARJAH YANG AMAT DI-HORMATI SETIA DI-RAJA

PANGLIMA SETIA DI-RAJA (P.S.D.)



Merupakan Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja Pangkat Pertama. Darjah Kebesaran ini dikurniakan kepada individu yang telah mempersembahkan khidmat cemerlang dan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Darjah Kebesaran ini terhad kepada 200 orang, tidak termasuk jumlah warganegara asing yang menerima sebagai amugerah kehormat. Penyandang Darjah ini membawa gelaran 'Datuk' dan isteri penyandang bergelar 'Datin'.

First rank of the Order of Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja. It is conferred to individuals who have performed an outstanding loyalty to the Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong. This award is limited to 200 recipients excluding foreign citizens who are conferred this honorary award. It carries the title of 'Datuk' to the individual and 'Datin' to the wife.

DARJAH YANG AMAT DI-HORMATI SETIA DI-RAJA

JOHAN SETIA DI-RAJA (J.S.D.)



Merupakan Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja Pangkat Kedua. Di sebelah kiri ialah darjah yang dikurniakan kepada penerima lelaki dan di sebelah kanan pula dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaan bagi darjah kebesaran ini.

Second rank of the Order of Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja. The Order on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH YANG AMAT DI-HORMATI SETIA DI-RAJA

KESATRIA SETIA DI-RAJA (K.S.D.)



Merupakan Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja Pangkat Ketiga. Di sebelah kiri ialah bintang yang dikurniakan kepada penerima lelaki dan di sebelah kanan pula dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaan bagi bintang ini.

Third rank of the Order of Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja. The Order on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH YANG AMAT DI-HORMATI SETIA DI-RAJA

BENTARA SETIA DI-RAJA (B.S.D.)



Merupakan Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja Pangkat Keempat. Di sebelah kiri ialah pingat yang dikurniakan kepada penerima lelaki dan di sebelah kanan pula dikurniakan kepada penerima wanita. Tiada had kurniaan bagi pingat ini.

Fourth rank of the Order of Darjah Yang Amat Di-Hormati Setia di-Raja. The medal on the left is awarded to men and on the right is awarded to women. There is no limit on the number of recipients.

DARJAH GAGAH PERKASA



SERI PAHLAGAN GAGAH PERKASA (S.P.)

Seri Pahlawan Gagah Perkasa merupakan anugerah yang tertinggi sekali dalam senarai keutamaan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Persekutuan. Bintang Kehormatan ini dikurniakan kepada sesiapa sahaja yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau telah melakukan sesuatu dengan gagah berani serta penuh pengorbanan.

Seri Pahlawan Gagah Perkasa is the highest rank in the order of the Federal Awards. It is conferred to those who have shown exceptional courage and self-sacrifice.



PANGLIMA GAGAH BERANI (P.G.B.)

Bintang Panglima Gagah Berani dikurniakan kepada individu yang menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa dalam menghadapi musuh.

Panglima Gagah Berani is awarded to individuals who have shown extraordinary bravery and courage in facing the enemy.

DARJAH GAGAH PERKASA



JASA PERKASA PERSEKUTUAN (J.P.P.)

Jasa Perkasa Persekutuan dikurniakan kepada sesiapa sahaja atau individu yang telah menunjukkan keberanian yang ditunjukkan tanpa berhadapan pihak musuh.

Jasa Perkasa Persekutuan is conferred to individuals who have shown bravery without facing the enemy.



KEPUJIAN PERUTUSAN KEBERANIAN (K.P.K.)

Kepujian Perutusan Keberanian dikurniakan kepada individu yang telah menunjukkan atau melakukan sesuatu yang dianggap gagah atau berani dan patut diberi pengiktirafan.

Kepujian Perutusan Keberanian is conferred to individuals who have demonstrated bravery deserving of recognition.

PINGAT PERKHIDMATAN



PINGAT TENTERA UDARA (P.T.U.)

Dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia kerana keperwiraan atau taat setia yang teristimewa ketika menjalankan kewajipan penerbangan dalam masa operasi ataupun tidak.

This Medal is conferred to members of the Royal Malaysian Air Force for outstanding heroism or loyalty during or outside of flight operations.



PINGAT KEBAKTIAN (P.K)

Dikurniakan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

This Medal is awarded as a reward for long service and good conduct in the Malaysian Armed Forces and Royal Malaysia Police.

PINGAT PERKHIDMATAN



PINGAT KHIDMAT BERBAKTI (P.K.B.)

Dikurniakan kerana khidmat-khidmat am anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dan semua Polis Diraja Malaysia.

This Medal is conferred to members of the Malaysian Armed Forces and Royal Malaysia Police for public service.



PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (P.P.C.)

Pingat Perkhidmatan Cemerlang dikurniakan untuk menghargai pegawai sektor awam yang berkhidmat dengan cemerlang dan turut cemerlang dalam sumbangan di luar tugas rasmi untuk negara dan masyarakat.

This Medal is conferred to officers of the public service for distinguished and outstanding contribution outside of official duties to the country and community.

PINGAT PERKHIDMATAN



PINGAT PERKHIDMATAN SETIA (P.P.S.)

Dikurniakan juga untuk menghargai khidmat lama dan kelakuan terpuji bagi anggota tetap Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

This Medal is conferred to members of the Malaysian Armed Forces, Royal Malaysia Police and Malaysian Prison Department for long service and exemplary conduct.



PINGAT PERKHIDMATAN AM (P.P.A.)

Dikurniakan untuk mengiktiraf dan menghargai khidmat am dan kelakuan terpuji bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.

This Medal is conferred to members of the Malaysian Armed Forces, Royal Malaysia Police and Malaysian Prison Department for public service and exemplary conduct.

PINGAT PERKHIDMATAN



PINGAT NEGARA BANGSA-BANGSA BERSATU (P.N.B.B.)

Pingat Negara Bangsa-Bangsa Bersatu dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia, anggota Polis Diraja Malaysia dan individu yang telah berkhidmat di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana-mana negara di seluruh dunia.

This Medal is conferred to members of the Malaysia Armed Forces, Royal Malaysia Police and individuals who have served under the United Nations in countries around the world.



PINGAT JASA MALAYSIA (P.J.M.)

Pingat Jasa Malaysia dikurniakan kepada bekas-bekas anggota pasukan keselamatan dari Negara-negara sahabat yang terlibat dalam operasi pertahanan dan keselamatan di Malaysia dari 31 Ogos 1957 hingga 12 Ogos 1966 yang dikenali sebagai perkhidmatan semasa Darurat Pertama. Pingat ini juga dikurniakan kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah berkhidmat dalam ATM bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 yang dikenali sebagai perkhidmatan semasa Darurat Kedua.

This Medal is conferred to members of the security forces of friendly nations who participated in defence and security operations in Malaysia from 31st August 1957 until 12th August 1966 known as the First Emergency. This Medal is also awarded to members of the Malaysian Armed Forces who served during the period from 1st January 1969 to 17th October 1990 known as the Second Emergency.

PINGAT PERINGATAN



PINGAT PERINGATAN MALAYSIA (P.P.M.)

Dibuat dalam tiga peringkat iaitu emas, perak dan gangsa. Pingat ini khusus untuk mereka yang telah banyak memberikan khidmat cemerlang dalam usaha untuk membentuk negara Malaysia iaitu pada 16 September 1963 hingga 31 Ogos 1965.

This medal has three ranks, namely, gold, silver and bronze. It is awarded for meritorious service in the formation of Malaysia from 16th September 1963 to 31st August 1965.





SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG I - XIV
DARI TAHUN 1957 - 2016

THEIR MAJESTIES
YANG DI-PERTUAN AGONG I - XIV
FROM THE YEAR 1957 - 2016





YANG DI-PERTUAN AGONG I

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Abdul Rahman
Ibni Almarhum Tuanku Muhammad
D.M.N., S.M.N.

Memerintah dari 31 Ogos 1957 hingga 1 April 1960
Reigned from 31 August 1957 to 1 April 1960



YANG DI-PERTUAN AGONG II

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Hisamuddin Alam Shah
Ibni Almarhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah
D.M.N., D.K. (Brunei)

Memerintah dari 14 April 1960 hingga 1 September 1960
Reigned from 14 April 1960 to 1 September 1960



YANG DI-PERTUAN AGONG III

**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Syed Putra Alhaj
Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail**

D.K., S.S.P.J., S.P.M.P., D.K.M., D.M.N., S.M.N., D.K. (Brunei), D.K. (Selangor), S.P.D.K. (Sabah), D.K. (Kelantan),
D.P. (Sarawak), D.K. (Kedah), D.K. (Pahang), D.K. (Johor), D.K. (Negeri Sembilan), D.P.S.S. (Sarawak), D.K. (Perak),
D.K. (Terengganu), D.K.M.B. (Brunei)

Memerintah dari 21 September 1960 hingga 20 September 1965

Reigned from 21 September 1960 to 20 September 1965



YANG DI-PERTUAN AGONG IV

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah

Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin

D.K., D.K.M., D.M.N., S.P.M.T., D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor),
D.K. (Perak), D.K. (Pahang)

Memerintah dari 21 September 1965 hingga 20 September 1970

Reigned from 21 September 1965 to 20 September 1970



YANG DI-PERTUAN AGONG V

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), D.P. (Sarawak),
D.U.N.M., S.P.M.K., S.S.D.K., D.H.M.S.

Memerintah dari 21 September 1970 hingga 20 September 1975

Reigned from 21 September 1970 to 20 September 1975



YANG DI-PERTUAN AGONG VI

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Almarhum Tuanku Yahya Petra

Ibni Almarhum Sultan Ibrahim

D.K.M., D.K., D.M.N., S.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.S.K., D.K. (Selangor),
D.K. (Terengganu), D.K. (Kedah), D.K. (Brunei), D.K. (Pahang), D.K. (Perlis), D.P. (Sarawak)

Memerintah dari 21 September 1975 hingga 29 Mac 1979

Reigned from 21 September 1975 to 29 Mac 1979



YANG DI-PERTUAN AGONG VII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah

D.K.P., D.K., D.K.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Terengganu),


D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K.M.B., D.K. (Brunei), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Selangor),

QILADAH BADR AL-Kubra (Arab Saudi), QILADAH AL-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait),

Grand Order of the Mugunghwa (Korea Selatan), HON. D.Litt (Malaya), LLD. HC (Northrop USA)

Memerintah dari 26 April 1979 hingga 25 April 1984

Reigned from 26 April 1979 to 25 April 1984



YANG DI-PERTUAN AGONG VIII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Sultan Iskandar
Ibni Almarhum Sultan Ismail
D.K.

Memerintah dari 26 April 1984 hingga 25 April 1989
Reigned from 26 April 1984 to 25 April 1989



YANG DI-PERTUAN AGONG IX

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah

Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Chafarullahu-lah

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Terengganu), D.K. (Perlis), D.K. (Johor), D.K. (Selangor),
D.K. (Kedah), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Pahang), S.S.M., P.M.N., P.S.M.,
S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P., S.I.M.P.

Memerintah dari 26 April 1989 hingga 25 April 1994

Reigned from 26 April 1989 to 25 April 1994



YANG DI-PERTUAN AGONG X

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Almarhum Tuanku Ja'afar

Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.M.B., (Brunei), D.K. (Kelantan), D.K. (Kedah), D.K. (Selangor),
D.K. (Perlis), D.K. (Johor), D.K. (Pahang), D.K. (Terengganu), D.K. (Perak),

Memerintah dari 26 April 1994 hingga 25 April 1999

Reigned from 26 April 1994 to 25 April 1999



YANG DI-PERTUAN AGONG XI

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj

Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj

D.K., D.K.M., D.M.N., S.P.M.S., S.S.S.A., D.K.M.B., (Brunei), D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perlis),
D.K. (Johor), D.K. (Kedah), D.K. (Negerti Sembilan), D.K. (Perak), D.K. (Pahang), S.P.D.K. (Sabah), D.P. (Sarawak),
D.U.M.N. (Melaka), P.J.K., The Most Auspicious Order Of The Rajamitrabhorn (Thailand),
Al-Khalifah Medal Decoration (Baharain), Order Of Boyaca Gran Collar (Columbia), Hon. D. Litt (UPM),
Hon. Fellowship Royal College Of Surgeons In Ireland, Hon. D. Sociology (University Thammasat, Thailand)

Memerintah dari 26 April 1999 hingga 21 November 2001

Reigned from 26 April 1999 to 21 November 2001



YANG DI-PERTUAN AGONG XII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Tuanku Syed Sirajuddin

Ibni Al-Marhum Tunku Syed Putra Jamalullail

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan),
D.K.M.B (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order of King Tomislav (Croatia), Grand Collier De
L'Independence (Grand Medal of the Independence) – Cambodia, Grand Croix De L'Order (Royal Sash) – Cambodia, Cavaliere Di Gran Croce
Decorato Di Gran Cordone (Italy), Decoration of Omayad – The Finest Decoration (Syria)

Memerintah dari 13 Disember 2001 hingga 12 Disember 2006

Reigned from 13 December 2001 to 12 December 2006



YANG DI-PERTUAN AGONG XIII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin

Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah

D.K.T., D.K.R., D.K., D.K.M., D.M.N., S.U.M.Z., S.S.M.T., S.P.M.T., D.K. (Perlis), D.K. (Johor), D.K.M.B (Brunei), D.K. (Perak),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K. (Selangor), S.P.M.J., Commandeur de la Legion d'Honneur (France),

The Most Auspicious Order of The Rajamitrabhorn (Thailand), Collar De La Orden Al Merito De Chile (Chile),

Necklace of Independence (Qatar), Bintang Republik Indonesia ADIPURNA (Indonesia)

Memerintah dari 13 Disember 2006 hingga 12 Disember 2011

Reigned from 13 December 2006 to 12 December 2011



YANG DI-PERTUAN AGONG XIV

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah

Ibni Almarhum Sultan Badlishah

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis),
D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), D.K. (Brunei), D.P. (Sarawak), D.U.N.M., S.M.D.K., S.H.M.S.,
S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K., Grand Cordon Of The Order Of The Rising Sun Of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia),
Honourable Knight Grand Cross Order Of The Bath Of U.K., Asso. Knight Order Of St. John., Hon. Ph.D (UUM),
Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum and Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan),
The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand)

Memerintah dari 13 Disember 2011 hingga 12 Disember 2016

Reigned from 13 December 2011 to 12 December 2016





Gambar sempena Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Perisyiharan Memegang Jawatan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Istana Negara, Kuala Lumpur pada 13 Disember 2016.

A photograph to commemorate the Pronouncement of the Oath of Office and Signing the Oath of Office by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong XV at Istana Negara in Kuala Lumpur on 13th December 2016.

Surat Perisytiharan

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

BAHAWA INILAH DIMASYHURKAN KEPADA
SEKALIAN ORANG SERTA PENDUDUK NEGARA MALAYSIA
IAITU DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA TELAH MEMILIH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V
DAN PADA HARI, WAKTU DAN SAAT YANG GILANG GEMILANG
INI MAKAN SERI PADUKA BAGINDA DITABALKAN
NAIK TAKHTA KERAJAAN MENJADI TURUS NEGARA
BAGI MALAYSIA DENGAN BERGELAR
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV.

TERMAKTUB DI
ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR

24 APRIL 2017
BERSAMAAN
27 REJAB 1438H

Warkah Ikrar

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

BETA, SULTAN MUHAMMAD V BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA, KERANA DENGAN IZIN-NYA BETA TELAH DIPILIH MENJADI YANG DI-PERTUAN AGONG. DENGAN INI, BETA AKAN MENJALANKAN SEADIL-ADILNYA PEMERINTAHAN BAGI MALAYSIA MENGIKUT UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN NEGARA, SERTA MEMELIHARA DENGAN SEMPURNA SETIAP MASA AGAMA ISLAM, DAN BERDIRI TEGUH DI ATAS PEMERINTAHAN YANG ADIL DAN AMAN DALAM NEGARA.

TERMAKTUB DI
ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR

24 APRIL 2017
BERSAMAAN
27 REJAB 1438H



9 789835 405952

ISBN 978-983-54-0595-2

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk Jawatankuasa Istiadat Pertabalan.
B.004 (B.M/B.I/JAWI) April 2017 (002.5)
Direkabentuk dan dicetak oleh Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.